

**Kerajaan Negeri P.Pinang Disaran Tambah Pegawai Penguat Kuasa
Bernama
4 Julai, 2013**

GEORGE TOWN, 4 Julai (Bernama) -- Kerajaan negeri disaran agar menambah bilangan pegawai penguat kuasa bagi memastikan aktiviti penggondolan tanah di Bukit Relau tidak berulang.

Datuk Mahmud Zakaria (BN-Sungai Acheh) berkata pegawai yang perlu ditambah termasuk dari Pejabat Galian dan Tanah.

"Saya difahamkan bahawa pegawai penguat kuasa di Pejabat Tanah dan Galian negeri tidak mencukupi, sebab itu mereka perlu ditambah," katanya ketika membahaskan ucapan Yang Dipertua Negeri, pada persidangan Dewan Undangan Negeri Khamis.

Beliau membangkitkan isu penebangan pokok, penarahan bukit dan penimbusan tanah di puncak Bukit Relau yang tidak mengikut peraturan.

Mahmud berkata kejadian penggondolan bukit itu menggambarkan kerajaan negeri pimpinan DAP tidak cekap, amanah dan telus seperti yang mereka uar-uarkan.

Beliau turut mahukan kerajaan negeri menyediakan lebih banyak tempat dan kemudahan perniagaan kepada peniaga kecil.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=960896>